

B 8099 DEB
MAHATHIR - MAJORITI R R R R R

KOTA KINABALU, 7 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI BAHAWA MALAYSIA SEKARANG MEMERLUKAN KERAJAAN YANG KUKUH YANG MENDAPAT SOKONGAN TERBESAR RAKYAT.

KATANYA, DENGAN SOKONGAN YANG MELEBIHI DUA PERTIGA KESTABILAN DAN KECAPAIAN DARIPADA SEGI POLITIK, EKONOMI DAN SOSIAL AKAN TERJAMIN DAN CEMERLANG.

SEMASA BERUCAP MERASMIKAN TERMINAL BARU LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KOTA KINABALU BERHARGA \$56 JUTA DI SINI PETANG INI, PERDANA MENTERI BERKATA SEJAK KEMERDEKAAN MALAYSIA MEMPUNYAI KERAJAAN YANG KUKUH DAN KUAT SERTA DISOKONG OLEH SEBAHAGIAN BESAR RAKYAT.

+OLEH ITU RAKYAT PERLULAH MENGAMBIL KIRA HAKIKAT INI SEBELUM MENGAMBIL KEPUTUSAN UNTUK TIDAK MEMBERI MAJORITI YANG BESAR KEPADA KERAJAAN KERANA AKIBATNYA KELAK KESTABILAN NEGARA AKAN TERJEJAS,+ TEGAS BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA TERDAPAT SEGOLONGAN ORANG DI MALAYSIA YANG TIDAK SENANG DENGAN KESTABILAN YANG ADA DAN MAHU SUPAYA KERAJAAN TIDAK DIBERIKAN MAJORITI DUA PERTIGA.

+KALAU KEMPEN MEREKA ITU BERJAYA KEADAAN POLITIK, SOSIAL DAN EKONOMI NEGARA AKAN MENJADI TIDAK STABIL KERANA DENGAN KURANGNYA MAJORITI, KERAJAAN BERASA TAKUT-TAKUT UNTUK MENGAMBIL APA-APA TINDAKAN BAGI KEPENTINGAN RAKYAT,+ TAMBAHNYA. -- LAGI.

1923MST 07 07 86

B B100 DEB
MAHATHIR - MAJORITI 2 KOTA KINABALU R R R R R

KATANYA PERASAAN TAKUT-TAKUT ITU IALAH KERANA MUNGKIN ADA ANGGOTA KERAJAAN AKAN MENYEBERANG KE PARTI PEMBANGKANG OLEH KERNA KERAJAAN TIDAK KUAT LAGI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DALAM USAHA UNTUK MENGURANGKAN SOKONGAN RAKYAT KEPADA KERAJAAN BARISAN NASIONAL (BN) PARTI-PARTI LAWAN CUBA MENGGAMBARAKAN KERAJAAN SEKARANG SEOLAH-OLAH SAMA DENGAN BEKAS KERAJAAN MARCOS (DI FILIPINA.)

+MEREKA INGIN MEMBENTUK SEORANG +MARCOS+ PULA DI MALAYSIA YANG SAYA TIDAK TAHU SIAPA. MEREKA HARAP AKAN TIMBUL PULA +PEOPLE'S POWER+ (KUASA RAKYAT) DI MALAYSIA DAN MEREKA DAPAT MENGAMBILALIH KERAJAAN,+ KATANYA.

MENURUT BELIAU GOLONGAN PEMBANGKANG SEDANG MEMBURUK-BURUKKAN NAMA PEMIMPIN-PEMIMPIN NEGARA DENGAN MENYEBARKAN FITNAH MELALUI RISALAH-RISALAH YANG TIDAK BERASAS.

+MEREKA TIDAK SEGAN-SEGAN MENGGUNAKAN CARA-CARA YANG KOTOR UNTUK MENARIK SOKONGAN RAKYAT. TETAPI SAYA YAKIN USAHA MEREKA TIDAK AKAN BERJAYA,+ KATA PERDANA MENTERI.

BELIAU MEMBERI AMARAN BAHAWA CARA MEREKA MEMBUAT CERITA-CERITA BURUK, PENUH EMOSI DAN MENIMBULKAN ISU PERKAUMAN DAN AGAMA, KUMPULAN DAN KEDAERAHAN ITU AKAN MENIMBULKAN PERASAAN BENCI DAN IRI HATI ANTARA SATU SAMA LAIN. -- LAGI.

1929MST 07 07 86

8 B105 DEB
MAHATHIR - MAJORITI 3 KOTA KINABALU R R R R R

+KITA HARUSLAH BELAJAR DARI SEJARAH TAHUN 1969 YANG BERLAKU AKIBAT PIHAK YANG TAMAK YANG TELAH MENGAPI-APIKAN PERASAAN RAKYAT. KITA TAK HARUS LUPA AKAN PELAJARAN DARI SEJARAH ITU,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN SEKARANG BUKANLAH +KERAJAAN MARCOS+. MEREKA BOLEH BENTUK MARCOS KESAYANGAN MEREKA ITU TETAPI KERAJAAN BN MEMBAWA KEMAJUAN PESAT KEPADA NEGARA SEJAK MERDEKA.

KATANYA KESTABILAN DAN KEPESATAN PEMBANGUNAN MALAYSIA DIHARGAI OLEH NEGARA-NEGARA LAIN DI DUNIA.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN MELAKUKAN SESUATU UNTUK NEGARA DAN RAKYAT SETELAH MENDAPAT PERSETUJUAN DARI SEMUA PARTI DALAM BN.

+JIKA KERAJAAN HENDAK MEMINDA PERLEMBAGAAN SEMUA PARTI PERLU BERSETUJU SEBELUM BOLEH DILAKSANAKAN. DALAM KERAJAAN SEKARANG TIDAK ADA SATUPUN PARTI BOLEH MENGAMBIL TINDAKAN KETERLALUAN,+ KATANYA.

DENGAN CARA ITU, KATANYA, KESTABILAN NEGARA TERJAMIN KERANA SETIAP TINDAKAN YANG DILAKUKAN MENGAMBIL KIRA KEPENTINGAN SEMUA PIHAK DAN KAUM DI NEGARA INI. -- LAGI.

1951MST 07 07 86

B B106 DEB
MAHATHIR - MAJORITI 4 KOTA KINABALU R R R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN BOLEH MENGAMBIL SESUATU TINDAKAN BAGI KEPENTINGAN NEGARA WALAUPUN TINDAKAN ITU TIDAK POPULAR DI LUAR NEGERI.

+TAK ADA KERAJAAN YANG BOLEH MENGAMBIL TINDKAN YANG POPULAR SAHAJA TETAPI PERLU JUGA YANG TIDAK POPULAR BAGI KEPENTINGAN NEGARA DAN TIADA SIAPAPUN BOLEH MEMPERSOALKANNYA,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI JUGA MENYEBUT KESTABILAN SABAH SEKARANG INI IALAH KERANA TIDAK SIAPA DAPAT MEMPERSOALKAN LAGI KESAHIHAN KERAJAAN PARTI BERSATU SABAH (PBS) YANG MEMERINTAH NEGERI INI SEKARANG.

+SEMASA PERTAMA KALI SAYA DATANG KE SINI DULU SABAH KURANG STABIL KERANA TERDAPAT SEDIKIT KEKACAUAN DAN TUNJUK PERASAAN KERANA PBS TIDAK MENDAPAT MAJORITI DUA PERTIGA.

+TETAPI SELEPAS PILIHAN RAYA NEGERI BARU-BARU INI PBS MEMPEROLEHI LEBIH DARIPADA DUA PERTIGA DAN TIADA SIAPA LAGI MEMPERSOALKANNYA DAN KESTABILAN POLITIK PULIH KEMBALI,+ TEGASNYA.

BELIAU MENGHARGAI PERANAN PBS DAN SOKONGAN YANG DIPEROLEHINYA DAN KINI PBS MENJADI ANGGOTA BARISAN NASIONAL BERSAMA-SAMA PARTI-PARTI LAIN DI NEGERI INI. -- LAGI.

1959MST 07 07 86

B B107 DEB
MAHATHIR - MAJORITI 5 KOTA KINABALU R R R R R

+INI BERMAKNA SEMUA PARTI DI SABAH MAHU BERKERJASAMA DAN DENGAN ITU AKAN TIMBULLAH KESTABILAN PADA MASA DEPAN KERANA MEREKA DAPAT SAMA-SAMA MEMBINCANGKAN SEBARANG MASALAH.

+INI SEMUA BAGI KEPENTINGAN SEMUA RAKYAT DAN BUKAN UNTUK ORANG-ORANG TERTENTU SAHAJA,+ TEGAS PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DENGAN KEKUKUHAN KERAJAAN NEGERI YANG MENDAPAT SOKONGAN TERBESAR, RAKYAT SABAH AKAN MENIKMATI KESTABILAN.

+DI DUNIA INI MANA-MANA KERAJAAN YANG MENDAPAT MAJORITI YANG MARGINAL SAHAJA TIDAK AKAN STABIL,+ KATANYA.

KERAJAAN YANG MENDAPAT SOKONGAN KECIL JUGA TIDAK MUNGKIN DAPAT MENTADBIR NEGARA DENGAN BERKESAN DAN KESTABILAN POLITIK SUDAH TENTU MENGHADAPI BANYAK KESULITAN, TAMBAHNYA.

TURUT HADIR PADA MAJLIS ITU IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH, KETUA MENTERI SABAH DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN, MENTERI PENGANGKUTAN DATUK DR LING LIONG SIK DAN TIMBALANNYA HAJAH RAHMAH OTHMAN DAN ANGGOTA-ANGGOTA KABINET NEGERI SERTA ISTERI MASING-MASING. -- BERNAMA.

2007MST 07 07 86